

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE  
KEEN  
(SELAYANG)**

**TARIKH : 23.5.2016  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada terdapat kemungkinan untuk menaikkan pencen bagi para bekas anggota tentera, seperti yang digesa oleh Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan Malaysia (PAHLAWAN).**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin terhadap kebajikan bekas-bekas tentera yang pernah menyumbang tenaga dan jasa kepada ATM. Penyelarasannya amanun pencen pesara ATM telah dilaksanakan berdasarkan kepada penambahbaikan skim gaji ATM di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM) 2012. Manakala mulai 1 Januari 2013 kerajaan telah meluluskan kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun kepada semua penerima pencen bagi menampung beban kos sara hidup yang meningkat setiap tahun.**

**Kenaikan pencen 2% setahun lebih baik kerana sekiranya pelarasan gaji dilaksanakan setiap 5 tahun oleh kerajaan, pesara sebenarnya telahpun menerima lebih kurang 10% hingga 12% kenaikan pencen mereka dalam tempoh tersebut.**